

**Perbelanjaan Modal Sektor Minyak Dan Gas Huluhan M'sia Diunjur Hampir US\$60 Bln Dlm Tempoh 5 Tahun, Kata Najib Bernama
25 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Perbelanjaan modal dalam perniagaan huluhan sektor minyak dan gas Malaysia diunjur mencecah hampir US\$60 bilion (kira-kira RM198 bilion) dalam tempoh lima tahun akan datang, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Beliau berkata jumlah itu memberi sumbangan besar kepada keseluruhan perbelanjaan huluhan di Asia Tenggara yang dijangka menerima satu perlima daripada perbelanjaan huluhan global dalam dekad akan datang.

"Meskipun perbelanjaan huluhan global dalam sektor minyak dan gas dijangka kekal sekitar US\$700 bilion (kira-kira RM2.31 trilion) dalam tempoh dekad akan datang, hampir 20 peratus daripada perbelanjaan ini akan berada di sini di Asia Tenggara," kata Najib, yang juga Menteri Kewangan pada perasmian Persidangan Teknologi Luar Pantai Asia 2014 yang pertama.

Najib berkata bagi memanfaatkan pertumbuhan pesat sektor tersebut di rantau ini, Malaysia berminat menarik lebih ramai peserta antarabangsa untuk membuat pelaburan strategik di negara ini dan melengkapkan syarikat tempatan.

Turut hadir ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed, Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman dan Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Tan Sri Shamsul Azhar Abbas.

Najib berkata peserta persidangan itu harus melihat Malaysia daripada perspektif serantau yang lebih meluas dan menimbang negara sebagai rakan kongsi perniagaan strategik dalam rangka kerja Asean.

Beliau berkata Malaysia memiliki gabungan ramuan yang terbaik bagi hab tenaga serantau dan industri minyak dan gas domestik yang aktif dan pesat, disokong oleh sumber yang besar, dasar progresif dan menyokong yang disediakan oleh kerajaan dan keupayaan teknikal yang telah terbukti.

Perdana Menteri juga berkata Malaysia mempunyai rangka kerja kawal selia dan perundangan yang mantap bagi melindungi kepentingan pelabur komersil dan negara berkedudukan baik menjadi hab serantau bagi mesin dan peralatan fabrikasi dan perkhidmatan minyak dan gas.

"Dengan keupayaan domestik kami, kami percaya Malaysia merupakan pangkalan ideal bagi perniagaan untuk mengembangkan operasi minyak dan gas mereka," katanya.

Najib berkata industri minyak dan gas Malaysia yang dinamik telah dipermudahkan menerusi kerjasama rapat dan sokongan kerajaan melalui dasar progresif seperti Program Transformasi Ekonomi (ETP), insentif yang dirangka dengan baik dan komunikasi dua hala yang aktif.

Najib berkata ETP telah membangunkan sasaran dalam minyak, gas dan tenaga bagi merangsang sektor hulu Malaysia, mengembangkan sektor hiliran domestik negara dan meneroka sumber tenaga alternatif.

Projek ETP itu termasuklah memberi nafas baharu kepada lapangan sedia ada menerusi pemulihan minyak dipertingkatkan, membangunkan lapangan yang dibuka semula dan meningkatkan aktiviti eksplorasi.

"Projek-projek ini menyediakan peluang besar bagi peserta hulu untuk menyertainya, dengan sokongan kukuh kerajaan," katanya.

Najib berkata hasil daripada usaha dan inovasi kerajaan daripada jurutera dalam membangunkan kaedah penyarian baharu dan mengenal pasti lapangan baharu, pengeluaran domestik meningkat sebanyak 2.1 peratus tahun lepas, berbanding 1.8 peratus pada 2012, dan dijangka terus berkembang tahun ini.

Terdahulu, Shamsul Abbas, dalam ucapan beliau berkata strategi pengeluaran dan eksplorasi agresif Petronas dalam tempoh empat tahun lepas telah membuahkan hasil.

Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah menguji jenis sistem baharu dalam lapangan laut dalam dan rumit, memperkenalkan pemulihan minyak dipertingkatkan dan memberikan lebih banyak kontrak perkhidmatan risiko bagi membangunkan lapangan yang dibuka semula.

Setakat ini, Petronas, yang mempunyai lebih 200 syarikat dan operasi di 60 negara mencatatkan pengeluaran tahunan 2.1 juta tong di seluruh dunia.

Dengan pendapatan kira-kira AS\$100 bilion (kira-kira RM330 bilion), menjadikannya antara syarikat paling menguntungkan di Asia.

Persidangan empat hari itu yang bertemakan "Memenuhi Cabaran Asia", dihadiri kira-kira 15,000 delegasi dan pengunjung perdagangan dari 72 negara.

Ia mempamerkan pelbagai teknologi canggih bagi penggerudian luar pantai, eksplorasi, pengeluaran dan perlindungan alam sekitar.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1024796>